



**KENYATAAN AKHBAR  
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

**BERKENAAN:**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI 2  
MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI  
NEGERI PULAU PINANG**

1. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan / Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.
2. LKAN Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri bagi 13 negeri di Malaysia termasuk Negeri Pulau Pinang telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 28 September 2021, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, setelah mendapat perkenan Tuan Yang Terutama

Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, laporan tersebut akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 26 November 2021.

3. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

### **3.1. Pengauditan Prestasi di Jabatan/Agensi Negeri**

- a. Pengauditan prestasi telah dijalankan mengikut standard pengauditan antarabangsa, iaitu The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 3000, 3100 dan 3200. Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan menilai sama ada aktiviti/projek Kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.
- b. Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 ini, sebanyak dua pengauditan prestasi telah dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang, iaitu Pengurusan Rumah Mampu Milik oleh Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang mulai 1 Januari 2021) dan Aktiviti Pembangunan Kawasan Bukit dan Cerun oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

### **3.1.1. Pengurusan Rumah Mampu Milik**

- a. Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa prestasi output adalah baik kerana sebanyak 36,120 unit RMM telah berjaya disediakan berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 18,000 unit RMM walaupun tempoh sasaran masih berbaki tiga tahun. Pencapaian keberhasilan pemilikan RMM bagaimanapun tidak dapat diukur disebabkan Bahagian Perumahan tidak melaksanakan penilaian pencapaian keberhasilan terhadap peningkatan pemilikan RMM golongan berpendapatan rendah. Laporan media sosial sebaliknya telah melaporkan pencapaian pemilikan RMM dari masa ke semasa yang dilaksanakan di negeri Pulau Pinang. Seterusnya, inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyediakan rumah yang mampu dimiliki oleh penduduk masih belum tercapai sepenuhnya kerana terdapat beberapa kelemahan yang ditemui semasa pengauditan dilaksanakan.
  
- b. Antara penemuan utama Audit adalah tiada maklumat tawaran bagi 1,160 unit (11.1%) daripada 10,467 unit RMM yang siap dibina; data permohonan tidak pernah dikemas kini dalam tempoh tiga tahun dan ke atas serta tiada pemutihan data dilaksanakan; dan kenaikan harga rumah bagi penjualan Rumah Mampu Milik kategori B. Kelemahan lain termasuk penjualan tempat letak kereta oleh pemaju swasta dan ketiadaan *Term of Reference* Jawatankuasa Rayuan yang jelas sebagai panduan bagi kes rayuan.

### **3.1.2. Aktiviti Pembangunan Kawasan Bukit dan Cerun**

- a. Secara keseluruhannya, aktiviti pembangunan kawasan bukit dan cerun masih kurang cekap dan berkesan, khususnya berkaitan dengan kawalan pembangunan serta pemantauan dan penguatkuasaan.
  - b. Terdapat kelemahan dalam elemen perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antaranya ialah Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2020 masih tidak dilulus dan diwartakan; kelewatan proses kelulusan permohonan kebenaran merancang; ketiadaan undang-undang bagi mengawal aktiviti pertanian di kawasan berkecerunan melebihi 25°; serta ketiadaan mekanisme pemantauan bagi struktur bangunan di kawasan bukit. Selain itu, terdapat kelemahan dalam Garis Panduan Pemutihan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menyebabkan pemutihan masih tidak dapat diselesaikan walaupun ia telah dimulakan sejak tahun 2016. Kelemahan yang dibangkitkan boleh menjejaskan objektif keseluruhan aktiviti pembangunan kawasan bukit dan cerun dalam tempoh jangka panjang sekiranya tindakan penambahbaikan tidak diambil oleh MBPP dengan serius.
4. Semua ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit.

Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan/agensi berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan syor kepada jabatan/agensi yang berkenaan untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan. Sebanyak 10 syor telah dicadangkan dalam LKAN Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

5. LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 26 November 2021. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 26 November 2021 selepas jam 2.00 petang. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara

26 November 2021  
21 Rabiul Akhir 1443H